



KENYATAAN MEDIA

PERKESO SAMBUT BAIK LIMA INISIATIF BAJET 2023 BERKAITAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), menyambut baik perancangan yang digariskan Kerajaan dalam **Bajet 2023** untuk mengukuhkan lagi ekonomi negara dan melindungi kebajikan rakyat, terutamanya dalam aspek perlindungan keselamatan sosial.

Sehubungan itu, PERKESO komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif Bajet 2023 yang dipertanggungjawab ke atas PERKESO seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz bagi menambah baik jaringan perlindungan sosial di negara ini.

Inisiatif tersebut merangkumi **bantuan padanan caruman kepada golongan bekerja sendiri, Program Insentif Penggajian, penambahbaikan Pusat Satelit MYFutureJobs di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Penempatan Pekerjaan Kebangsaan (*National Placement Centre*), perlindungan kepada suri rumah dan Program Saringan Kesihatan PERKESO.**

SPS Padanan Caruman dan SPS Khidmat

Bagi mengurangkan bebanan golongan bekerja sendiri untuk membayar caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO, Kerajaan akan meneruskan bantuan padanan caruman melalui program **SPS Padanan Caruman**.

Menerusi inisiatif ini, Kerajaan akan menanggung bayaran caruman SKSPS sebanyak **80%** bagi pelbagai kumpulan sasar **Orang Bekerja Sendiri (OBS)** seperti penghantar makanan, petani, nelayan, penjaja dan lain-lain. Mulai tahun hadapan, inisiatif ini turut diperluas kepada golongan OBS dalam sektor pendidikan, sukan tempatan dan ekonomi digital.

Selain itu, Kerajaan juga akan meneruskan pembiayaan penuh caruman bagi OBS yang berkhidmat sebagai sukarelawan dalam sektor awam seperti Sukarelawan Pertahanan Awam (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta pekhidmat rumah ibadat menerusi program **SPS Khidmat**. Sebanyak **RM150 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif ini yang akan memberi manfaat kepada lebih **756,000 OBS** di seluruh Malaysia.

Sehingga **28 September 2022**, seramai **562,797** individu yang bekerja sendiri telah mencarum dan dilindungi PERKESO menerusi SKSPS. Walau bagaimanapun, masih ramai rakyat Malaysia yang bekerja sendiri tidak mempunyai perlindungan keselamatan sosial yang dapat melindungi mereka sekiranya ditimpa bencana pekerjaan atau penyakit berkaitan pekerjaan.

Sehubungan itu, PERKESO akan melaksanakan **caruman mandatori** SKSPS secara berperingkat kepada semua sektor pekerjaan terutamanya dalam sektor-sektor yang berisiko tinggi seperti pengangkutan, pertanian, penternakan, perhutanan, perikanan dan kesenian.

Inisiatif caruman mandatori ini akan melibatkan kerjasama strategik antara PERKESO dan agensi–agensi kawal selia sektor berkenaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), TEKUN Nasional, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sebagainya.

Program Insentif Penggajian (*Hiring Incentives*)

Bagi mengurangkan kadar pengangguran negara, sebanyak **RM150 juta** diperuntukkan kepada PERKESO untuk melaksanakan **Program Insentif Penggajian** yang akan membuka peluang kerjaya kepada lebih **70,000** pencari kerja di seluruh negara.

Insentif sebanyak **RM600 hingga RM750 sebulan** selama **3 bulan** akan diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja daripada golongan sasaran khususnya golongan mudah terjejas seperti Orang Kurang Upaya (OKU), wanita, bekas banduan, pesara tentera, orang asli dan pekerja dalam sektor pelancongan. Kategori baharu iaitu pekerja warga emas yang dilantik oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) juga diperkenalkan bagi tujuan berkongsi pengalaman dan menjana pendapatan kepada golongan ini.

Insentif penggajian ini turut diberikan kepada majikan dan agensi pekerjaan swasta yang menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan melalui **Program *Malaysianization***.

Bagi menangani isu **ketidakpadanan pekerjaan (*job mismatch*)** dan **menyediakan akses pekerjaan** yang sewajarnya kepada golongan belia, insentif ini juga akan diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja daripada kategori baharu seperti:

- i. Belia berumur 18-30 tahun yang menganggur lebih daripada tiga (3) bulan
- ii. Pencari kerja daripada sektor digital dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- iii. Graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran

Selain insentif kepada majikan, golongan pekerja yang berjaya memperoleh penempatan pekerjaan di bawah program ini boleh memohon **bantuan mobiliti**. Insentif kewangan sebanyak **RM500** akan diberikan kepada pencari kerja yang mendapat pekerjaan di luar negeri bermastautin, manakala **RM1,000** pula akan diberikan kepada pencari kerja yang perlu membuat penghijrahan jarak jauh iaitu dari Sabah atau Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya, sebagai persediaan mereka untuk mula bekerja di tempat baharu.

Penambahbaikan Pusat Satelit MYFutureJobs di UTC dan *National Placement Centre* di Lembah Klang

Pada tahun 2023, perkhidmatan pekerjaan PERKESO akan terus ditingkatkan dengan penambahbaikan fasiliti **13 Pusat Satelit MYFutureJobs** di UTC serata negara.

Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak **RM8 juta** kepada PERKESO untuk menjalankan kerja-kerja renovasi ruang pejabat, penambahan kaunter kaunseling kerjaya dan bilik-bilik temu duga, pembinaan landskap dan ruang informasi pasaran buruh dan penyediaan peralatan ICT.

Dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Satelit MYFutureJobs akan meningkatkan lagi capaian dan kualiti perkhidmatan pekerjaan yang disediakan PERKESO kepada golongan penganggur menerusi aktiviti padanan pekerjaan, kaunseling kerjaya dan pemantauan pasaran buruh tempatan.

PERKESO bersama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) juga akan menubuhkan ***National Placement Centre*** di Lembah Klang sebagai pusat sehenti yang berfungsi sebagai '*lifelong learning centre*' bagi tujuan memberi pendedahan berhubung pasaran buruh semasa kepada golongan pelajar yang bakal memasuki dunia pekerjaan. Pusat ini akan mengguna pakai konsep '*experiential learning*' yang turut menawarkan perkhidmatan padanan pekerjaan dan membantu membuat pengesyoran latihan berdasarkan jurang kemahiran seseorang pekerja.

Insentif Caruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah PERKESO

Dengan semangat inklusif Keluarga Malaysia, Kerajaan akan melanjutkan program Kasih Suri Keluarga Malaysia bagi meneruskan hasrat untuk melindungi golongan wanita khususnya suri rumah sepanjang menjalankan tugas menjaga rumah dan membangun institusi Keluarga.

Dengan peruntukan sebanyak **RM25 juta** (yang merupakan sebahagian daripada RM120 juta yang dikongsi bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)), suri rumah yang membuat caruman KWSP minimum **RM60 setahun** layak memperoleh insentif

padanan tambahan Kerajaan bernilai sehingga **RM600 setahun** yang merangkumi **RM120 caruman** di bawah **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) PERKESO**. Program ini dijangka memanfaatkan seramai **200,000** orang suri rumah di seluruh negara.

Program Saringan Kesihatan PERKESO

Dalam mendokong Agenda Nasional Malaysia Sihat susulan penularan wabak COVID-19, PERKESO juga bertanggungjawab untuk melaksanakan perkhidmatan saringan kesihatan kepada golongan pekerja bagi mengekalkan produktiviti ekonomi negara.

Program ini bertujuan memberi pengesanan awal terhadap **penyakit tidak berjangkit (Noncommunicable Diseases)**, seterusnya mengambil tindakan lebih awal bagi penjagaan kesihatan pekerja. Menerusi program ini, pencarum-pencarum PERKESO berumur 40 tahun dan ke atas yang layak akan berpeluang menjalani saringan kesihatan.

Dengan peruntukan **RM80 juta** yang disediakan Kerajaan menerusi Bajet 2023 juga, program ini akan ditambah baik dengan penawaran saringan-saringan tambahan untuk mengesan dan mencegah **penyakit kritikal** termasuklah diabetes, fungsi buah pinggang dan hati serta saringan kanser. Golongan pekerja wanita juga akan mendapat saringan tambahan iaitu saringan mamogram dan ujian pap smear bagi mengenal pasti risiko kanser payu dara dan kanser serviks. Penambahbaikan ini dijangka memanfaatkan seramai **2.3 juta** pekerja.

Sebagai sebuah agensi yang diamanahkan untuk melindungi golongan pekerja di Malaysia, PERKESO akan memberi sepenuh komitmen untuk melaksanakan kesemua inisiatif di bawah Bajet 2023 yang bertemakan “**Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera**” ini, khususnya dalam usaha pemulihan ekonomi dan melindungi tenaga kerja dalam memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan untuk Keluarga Malaysia yang sejahtera.

Maklumat lanjut berkenaan inisiatif PERKESO di bawah Bajet 2023 akan dimuat naik dari semasa ke semasa menerusi **laman web rasmi PERKESO** dan **media sosial rasmi PERKESO** atau hubungi nombor **Careline PERKESO** di **1-300-22-8000** untuk sebarang pertanyaan.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN DATO' AZIZ MOHAMMED

KETUA EKSEKUTIF

10 OKTOBER 2022